PERWIRA HABIB BANK (M) BHD.

lwn.

SRI YAZMIN SDN. BHD. & YANG LAIN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
WAN ADNAN H
[GUAMAN SIVIL NO. D3-23-2837-88]
16 JANUARI 1991

KONTRAK: *Pinjaman overdraf kepada syarikat - Pengarah menjadi penjamin - Beberapa penjamin - Pengiraan faedah - Pinjaman diberi sebelum surat jaminan ditandatangani - Balasan lampau.*

Pada 31 Mei 1983, plaintif P telah membuat satu tawaran kepada defendan pertama D1 untuk pinjaman kredit sebanyak RM300,000 yang dijamin oleh 4 pengarah D2, D3, D4 dan X. D1 telah menerima tawaran ini dan meluluskan resolusi mengenai pinjaman tersebut. P telah menuntut dari D1, D2, D3 dan D4 wang tersebut tetapi permohonan itu telah ditolak oleh Penolong Kanan Pendaftar dan P merayu terhadap keputusan tersebut.

Peguam defendan berhujah

(a) oleh kerana surat jaminan hanya ditandatangani oleh 3 penjamin (walaupun surat tawaran P merujuk kepada 4 orang penjamin), P telah hilang hak untuk menuntut sumbangan di bawah s. 99 Akta Kontrak 1950,

(b) faedah patut dikira tiap-tiap tahun dan bukan tiap-tiap bulan;

(c) oleh kerana pinjaman telah diberi oleh P kepada D1 sebelum surat jaminan ditandatangani oleh D2, D3 dan D4, ianya balasan lampau dan penjamin-penjamin tidak bertanggungan.

Diputuskan:

[1] (a) Mahkamah mendapati walaupun empat nama ditulis dalam surat tawaran, hanya tiga orang pengarah saja yang dimaksudkan; D4 dan X yang disebutkan dalam surat tawaran itu bermaksud D4.

(b) D1 hanya ada tiga pengarah saja pada masa itu dan ini sudah tentu dalam pengetahuan D2, D3 dan D4 yang menjadi pengarah pertama pada masa itu. Mereka sedar bahawa hanya tiga orang pengarah saja yang dikehendaki menjadi penjamin apabila mereka menandatangani surat jaminan yang berkenaan. "Circular Resolution 4/83". D1 juga menyatakan tiga orang pengarah akan menjadi penjamin. Fakta dalam kes Teguh Insurance adalah berlainan.

[2] Surat tawaran plaintif bertarikh 31 Mei 1983 dengan jelas menyatakan faedah bagi pinjaman dan overdraf dikira tiap-tiap bulan; mahkamah mendapati plaintif berhak mengenakan faedah dikira tiap-tiap bulan.

[3] (a) Daripada surat tawaran plaintif bertarikh 31 Mei 1983 jelas menunjukkan bahawa kemudahan pinjaman telah mula diberi kepada defendan pertama semenjak 3 Januari 1983;

(b) Kemudahan yang diberi melalui surat bertarikh 31 Mei 1983 adalah sebagai tambahan kepada kemudahan yang diberi dahulu. Terma-terma surat jaminan khususnya perenggan satu seperti ditulis di atas adalah cukup luas untuk meliputi keadaan seperti ini.

[Rayuan P dibenarkan.]

Kes-kes yang dirujuk:

Teguh Insurance Company Sdn. Bhd. v. Insuna Underwriting Agencies Sdn. Bhd. & Ors. [1986] CLJ (Rep) 732

Perwira Habib Bank Malaysia Bhd, v. MET Sdn. Bhd. & Ors. [1988] 2 CLJ (Rep) 142

Perundangan yang dirujuk:

Contracts Act 1950, s. 99

Rules of the High Court 1980, O. 14

Bagi pihak plaintif - Nadkarni; T/n. Skrine & Co.

Bagi pihak defendan 1, 2 & 4 - Liza Chan; T/n. Liza Chan & Co.

[**Nota Pengarang:** Defendan telah membuat rayuan kepada Mahkamah Agung pada 6 Disember 1990 - Rayuan Sivil No. 02-547-90]

PENGHAKIMAN

Wan Adnan H:

Dalam tuntutan ini plaintif menuntut daripada defendan pertama sejumlah wang sebanyak RM222,285.01 serta faedah kontraktual dan/atau ikut adat dengan kadar 8.75% setahun dikira tiap-tiap bulan daripada 1 Oktober 1988 hingga tarikh bayaran. Tuntutan yang sama dibuat terhadap defendan kedua, ketiga dan keempat sebagai penjamin. Permohonan plaintif di bawah A. 14 Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 telah ditolak oleh Penolong Kanan Pendaftar. Plaintif dengan itu merayu terhadap keputusan tersebut.

Surat tawaran plaintif kepada defendan pertama bertarikh 31 Mei 1983 (Exh D1 dalam kandungan 6) di antaranya berkata:

> We are pleased to inform you that your application for credit facilities has been approved subject to the following terms and conditions:
>
> 1. Nature of: Limit & Amount
>
> | | |
> |---|---|
> | (a) Overdraft | RM200,000 |
> | (b) Term Loan | 50,000 |
> | (c) Letters of Guarantee | 50,000 |
> | | RM300,000 |
>
> 2. Security: Original continuing unconditional joint and several personal guarantee for RM300,000 to be executed by the following directors of the company:
>
> (a) Puan Raja Nor Jasmin
>
> (b) En. Omar Arif b. Abdullah
>
> (c) Puan Nor Jasmin bte Raja Haji Shahar Shah
>
> (d) Jeffrey Adzman Middleton.
>
> 3. Interest Rate:
>
> | | |
> |---|---|
> | (a) Overdraft | 9% p.a. |
> | (b) Term Loan | 9% p.a. |
> | (c) Letters of Guarantee | 1% flat or 1/8% p.m. whichever is higher. |
>
> .4. Other conditions:
>
> (a)
>
> (b) Interest on the outstanding loan principal is to be calculated and payable monthly commencing the first month end after drawdown.

(c) Interest on the overdraft is to be calculated on the daily outstanding amount and is payable monthly.

(d)

(e)

(f) This letter of offer if accepted will supersede and cancel our Letter of Offer to you dated 3 January 1983 for the following facilities:

(i) Loan (SLS) : RM50,000
(ii) Overdraft : RM50,000.

Defendan pertama terima tawaran itu dan pada 2 Jun 1983 meluluskan "Circular Resolution 4/83" yang berbunyi:

We, the undersigned, the directors for the time being of Sri Yazmin Sdn. Bhd., pursuant to Article 90 of the company's articles of association, do hereby resolve:

Banking Facilities: That the company do negotiate with Messrs. Perwira Habib Bank (Malaysia) Berhad for the following banking facilities:

Overdraft	RM200,000
Term Loan	RM 50,000
Letter of Credit	RM 50,000

Security: As security for the above facilities, the company do agree to obtain personal guarantee from the following directors:

1. Raja Nor Jasmin bte Raja Haji Shahar Shah.
2. Omar Arif bin Abdullah
3. Jeffrey Adzman Middleton.

Surat jaminan yang ditandatangani oleh defendan kedua dan ketiga ditunjukkan sebagai Exh A-2. Kandungan 4 dan surat jaminan yang ditandatangani oleh defendan keempat ditunjukkan sebagai Exh A-3. Perenggan satu surat jaminan itu adalah seperti berikut:

In consideration of your making or continuing advances or otherwise giving or continuing credit or banking facilities (including the issue of guarantee by you) to Sri Yazmin Sdn. Bhd. hereinafter called the Principal, I/we jointly and severally guarantee to you due repayment, ... of all moneys which shall at any time be due to you from the principal, in any shape or form, together with interest, charges,

Peguam bagi pihak defendan telah membangkitkan beberapa isu yang mengikutnya adalah isu-isu yang perlu dibicarakan.

Isu pertama ialah mengenai bilangan penjamin. Mengikut surat tawaran plaintif empat orang penjamin diperlukan. Tapi surat jaminan hanya ditandatangani oleh tiga orang sahaja - iaitu defendan kedua, ketiga dan keempat. Oleh yang demikian, kata peguam, plaintif ini telah kehilangan hak untuk menuntut sumbangan di bawah s.99 Akta Kontrak 1950 yang berbunyi:

99. Di mana dua orang atau lebih menjadi penjamin-bersama untuk hutang atau kewajipan yang sama, sama ada bersama-sama atau masing-masing, dan sama ada di bawah kontrak yang sama atau yang berlainan, dan sama ada dengan atau tanpa pengetahuan mereka masing-masing, maka penjamin-bersama itu, tanpa sebarang kontrak yang berlawanan, adalah bertanggungan untuk membayar, di antara mereka, tiap-tiap seorang suatu bahagian yang sama dari seluruh hutang itu atau sebahagian hutang itu yang masih belum dibayar oleh siberhutang utama.

Keputusan dalam kes *Teguh Insurance Company Sdn. Bhd. v. Insuna Underwriting Agencies Sdn. Bhd. & Ors.* [1986] CLJ (Rep) 732 telah dirujukkan kepada saya.

Saya dapati walaupun empat nama ditulis dalam surat tawaran, hanya tiga orang pengarah saja yang dimaksudkan. Puan Raja Nor Jasmin dan Puan Nor Jasmin bte Raja Haji Shahar Shah yang disebutkan dalam surat tawaran itu bermaksud kepada seorang saja iaitu Raja Nor Jasmin bte Raja Haji Shahar Shah seperti tercatit dalam Borang 49 (Exh B-1 Kandungan 7). Defendan pertama hanya ada tiga pengarah saja pada masa itu dan ini sudah tentu dalam pengetahuan defendan kedua, ketiga dan keempat yang menjadi pengarah pertama pada masa itu. Mereka sedar bahawa hanya tiga orang pengarah saja yang dikehendaki menjadi penjamin apabila mereka menandatangani surat jaminan yang berkenaan. "Circular Resolution 4/83" defendan pertama juga menyatakan tiga orang pengarah akan menjadi penjamin. Fakta dalam kes *Teguh Insurance* adalah berlainan.

Satu lagi isu yang dikata perlu dibicarakan ialah mengenai faedah. Telah dihujahkan oleh peguam bahawa plaintif tidak ada hak mengenakan faedah dikira tiap-tiap bulan. Faedah patut dikira tiap-tiap tahun.

Tuntutan plaintif ini ialah baki yang masih terhutang oleh defendan pertama di atas akaun overdrafnya dengan plaintif. Walaupun ini tidak dinyatakan di dalam pernyataan tuntutan fakta ini tentunya dalam pengetahuan defendan kedua, ketiga dan keempat sebagai pengarah-pengarah defendan pertama. Mereka sedar bahawa tuntutan ini adalah mengenai pinjaman overdraf. Surat tuntutan bertarikh 13 Oktober 1988 (Exh A-4 dan A-5 dalam kandungan (4)) kepada defendan kedua, ketiga dan keempat dengan terang menyatakan tuntutan itu adalah mengenai akaun overdraf.

Dalam afidavit kandungan (4) juga disebutkan bahawa tuntutan ini adalah mengenai akaun overdraf defendan pertama dengan plaintif.

Surat tawaran plaintif bertarikh 31 Mei 1983 dengan jelas (lihat 7(b) dan (c)) menyatakan faedah bagi pinjaman dan overdraf dikira tiap-tiap bulan.

Saya dapati plaintif berhak mengenakan faedah dikira tiap-tiap bulan. Isu ini tidak perlu dibicarakan.

Juga dikatakan bahawa pinjaman telah diberi oleh plaintif kepada defendan pertama sebelum surat jaminan ditandatangani oleh defendan kedua, ketiga dan keempat. Oleh itu ianya balasan lampau dan penjamin-penjamin tidak bertanggungan.

Daripada surat tawaran plaintif bertarikh 31 Mei 1983 (lihat 7(f)) jelas menunjukkan bahawa kemudahan pinjaman telah mula diberi kepada defendan pertama semenjak 3 Januari 1983. Kemudahan yang diberi melalui surat bertarikh 31 Mei 1983 adalah sebagai tambahan kepada kemudahan yang diberi dahulu. Terma-terma surat jaminan (Ex. A-2 dan A-3) khususnya perenggan satu seperti ditulis di atas adalah cukup luas untuk meliputi keadaan seperti ini. (*Sila lihat Perwira Habib Bank Malaysia Bhd. v. MET Sdn. Bhd. & Ors.* [1988] 2 CLJ (Rep) 142). Defendan kedua, ketiga & keempat adalah bertanggungan.

Saya dapati tidak ada isu yang patut dibicarakan dan oleh itu saya benarkan rayuan dan perintah penghakiman diberi seperti yang dipohon dengan kos.

Also found at [1991] 1 CLJ 702